

| | | | |
|-------------------|---|--------------------|---------------------------|
| Headline | Tun Wan Junaidi dan isteri terima kunjungan hormat delegasi SRDC | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Sarawak | | |
| Date | 10 Jan 2025 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 31,034 |
| Page No | 6 | Readership | 93,102 |
| Language | Malay | ArticleSize | 191 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 712 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,136 |



Tun Wan Junaidi dan isteri terima kunjungan hormat delegasi SRDC

KUCHING: Yang di-Petua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan isteri Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah Mohd Sanusi menerima kunjungan hormat daripada delegasi Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak (SRDC) di Kesuma Resort, pagi semalam.

Kunjungan yang diketuai oleh Pengurus Besar SRDC yang juga Pengarah Urusan Sarawak Science Centre Sdn Bhd Ts Dr Peter Morin Nissom itu bertujuan mengemas kini maklumat berkaitan peranan yang dimainkan oleh SRDC iaitu memantau



IKHLAS: Dr Wan Junaidi menerima cenderamata daripada Dr Peter Morin (dua kiri) sambil diperhatikan oleh Toh Puan Fauziah (tiga kanan) serta delegasi lain di Kesuma Resort pagi semalam. — Gambar Penerangan

serta memberi hala tuju untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Sarawak, terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Antara lain, SRDC turut memaklumkan kepada Tun Wan Junaidi tentang tiga projek penting yang sedang dilaksanakan iaitu Pusat Penyakit Berjangkit Sarawak (SIDC) di Samarahan, Pusat Sains Sarawak di Petra Jaya dan SMD semiconductor Sdn Bhd.

Tun Wan Junaidi menzahirkan keterujaan serta memberikan sokongan penuh kepada SRDC selain berkongsi pengalaman

semasa bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Turut hadir ialah Timbalan Pengurus Besar SRDC yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Penyakit Berjangkit Sarawak Dr Ivan Yap Kok Seng, Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Microelectronics Design (SMD) Semiconductor Sdn Bhd Shariman Jamil, Ketua Projek Penyelidikan SRDC Yeo Lii Kheng dan Setiausaha Pejabat Vanessa Inja Randie.